

Latihan Penilaian Unit

Bahagian A

Nyatakan sama ada kenyataan-kenyataan di bawah adalah Betul atau Salah.

1. Semua muzik dibenarkan dalam syariah Islam _____
2. Al-Qur'an adalah perkataan Allah s.w.t. _____
3. Seni Islam mementingkan imej manusia dalam karya seni. _____
4. Sasterawan Eropah memperoleh inspirasi daripada sasterawan Arab.

5. Dewan Syura (Dewan Senat) diperkenalkan oleh Umar al-Khattab r.a.

6. Ibnu Sina ialah seorang tokoh yang mengenal pasti penyakit cacar dan membezakannya daripada penyakit campak. _____
7. Al-Biruni adalah tokoh matematik yang dikenali sebagai bapa algebra.

8. Pencetus utama pencapaian tamadun Islam adalah kecerdasan akal semata-mata. _____
9. Sumber utama Tamadun Islam ialah al-Qur'an semata-mata. _____
10. Tamadun Islam adalah unik kerana ia setanding dari segi kemajuan yang dicapai Tamadun Barat. _____

Bahagian B

Soalan Objektif

1. Berikut ialah istilah yang mempunyai makna yang sama dengan tamadun.

- I Umrah
- II Hadarah
- III Madana
- IV Civilisation

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. III dan IV

2. Antara berikut, yang manakah bukan sumber-sumber tamadun?
- A. Bersumberkan material.
 - B. Bersumberkan mistik.
 - C. bersumberkan wahyu.
 - D. Bersumberkan rohaniah.
3. Apakah matlamat falsafah sains dan teknologi mengikut ajaran Islam?
- A. Ilmu sains dan teknologi akan membimbing manusia mengenali Allah dengan lebih dekat.
 - B. Penyingkiran ilmu ketuhanan dalam mencapai matlamat sains dan teknologi mengikut Islam.
 - C. Penyelewengan ilmu sains yang bertujuan untuk mencapai kepuasan individu sahaja.
 - D. Ilmu sains perlu lebih memfokuskan fakta-fakta hasil tinjauan.
4. Antara berikut, karya Ibnu Sina yang manakah membincangkan tentang halaju bunyi dan cahaya.
- A. Al-Syifa
 - B. Al-Qanun fi al-Tibb
 - C. Al-Muqadimmah
 - D. Kitab Usul al-Falak
5.

<ul style="list-style-type: none">• Kitab al-Adawiyah• Kitab al-Filahaldal Nabatiyyah• Kitab Firdaus al- Hikmah

- Kitab tersebut merupakan kitab-kitab berkenaan dengan ilmu _____.
- A. Astronomi
 - B. Biologi
 - C. Fizik
 - D. Matematik
6. Kitab al-Jabar Wal Muqalabah merupakan kitab asas algebra yang dikarang oleh _____.
- A. Al-Kindi
 - B. Ibnu Sina
 - C. Al-Khawarizmi
 - D. Ibn Haitham

7. Ciri-ciri berikut merujuk kepada tokoh ilmuan _____.

- Tokoh perubatan
- Mengarang *Kitab Qanun fi al-Tibb*
- Digelar sebagai Bapa Doktor

- A. Ibnu Sina
- B. Ibnu Haitham
- C. Al-Razi
- D. Al-Majusi

8. Seni bina Islam mempunyai ciri-ciri yang berikut **kecuali**

- A. Menekankan konsep ketuhanan yang memfokuskan kepada keseimbangan.
- B. Seni bina Islam adalah berdasarkan imej yang menonjolkan progresif (kemajuan).
- C. Konsep kesepaduan antara rohani dan jasmani yang mana kesan dan pengaruhnya menyerap dalam menyediakan keselesaan hidup.
- D. Berpaksikan kepada amal makruf nahi mungkar.

9. Senaraikan prinsip-prinsip seni dan budaya Islam.

- a. _____
- b. _____
- c. _____

10. _____ memperkenalkan khat Nasakh pada abad ke-5 M.

Soalan esei

1. Bincangkan asal-usul perkataan 'tamadun' dan kaitkan asal-usul perkataan tamadun dengan definisi tamadun dari sudut Islam.
2. Buktikan bagaimana al-Qur'an dan al-Sunnah dikatakan sumber dan asas kepada tamadun Islam.
3. Berdasarkan keunggulan saintis Muslim pada masa lampau, bagaimanakah anda menilai kedudukan dan sumbangan saintis Muslim pada masa kini terhadap kemajuan hidup manusia dan kenapa?
4. Bincangkan asas dan falsafah seni dalam Islam.
5. Sama seperti kebanyakan perkara lain, seni adalah ciptaan Allah yang neutral dan tiada apa-apa dosa. Ia boleh digunakan untuk kebaikan atau keburukan. Huraikan bagaimanakah seni boleh digunakan untuk kebaikan dan bagaimana pula ia boleh digunakan untuk kejahatan?